

STRUKTURKAN PINJAMAN ANDA SERENDAH RM300

SOALAN LAZIM BAYAR TUNGGAKAN SERENDAH RM300

1. Soalan:

Apakah kempen **Bayar Tunggakan Serendah RM300**?

Jawapan:

Bayar Tunggakan Serendah RM300 adalah merupakan kempen kesedaran untuk bayaran balik pinjaman PTPTN yang bertujuan menggalakkan peminjam membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dan kempen ini juga ditawarkan khas kepada peminjam yang mempunyai tunggakan dalam tempoh kempen.

2. Soalan:

Bilakah tempoh kempen **Bayar Tunggakan Serendah RM300** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh kempen ini bermula pada **21 November 2024 sehingga 30 November 2024**.

3. Soalan:

Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

Jawapan:

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan dalam tempoh kempen.
- ii. Peminjam yang mempunyai tunggakan perlu membuat bayaran tunggakan sekurang-kurangnya sebanyak **RM300** sahaja untuk penstrukturan semula pinjaman di dalam tempoh kempen.
- iii. Melalui kaedah penstrukturan semula pinjaman, peminjam boleh mengubah/menyusun semula ansuran bulanan pada Jadual Bayaran Balik (JBB) mengikut kemampuan masing-masing. Ansuran bulanan minimum ditetapkan berdasarkan anggaran penentuan 5% – 8% daripada jumlah pendapatan kasar, tertakluk kepada kelayakan tempoh bayaran balik dan kelulusan PTPTN.
- iv. Rundingan bayaran balik seperti kemudahan pertukaran Ujrah, penggabungan pinjaman dan penjadualan turut layak menyertai kempen ini.
- v. Peminjam diwajibkan membuat **Potongan Gaji (PG)** atau **Direct Debit (DD)** semasa rundingan.
- vi. **Bayaran balik pinjaman PTPTN boleh dibuat melalui semua saluran** di dalam tempoh kempen.

STRUKTURKAN PINJAMAN ANDA SERENDAH RM300

4. Soalan:

Sekiranya peminjam telah membuat bayaran tunggakan sebanyak **RM300 pada 1 Disember 2024**, adakah peminjam layak untuk rundingan pertukaran Ujrah/ penstrukturan/ penggabungan/ penjadualan semula pinjaman?

Jawapan:

Tidak layak, kerana peminjam telah membuat bayaran tunggakan **di luar tempoh kempen**.

5. Soalan:

Sekiranya peminjam membuat bayaran tunggakan sebanyak **RM500 dalam tempoh kempen** (melebihi amaun bayaran minimum tunggakan), adakah peminjam layak untuk rundingan pertukaran Ujrah/ penstrukturan/ penggabungan/ penjadualan semula pinjaman?

Jawapan:

Layak kerana bayaran tunggakan dalam tempoh kempen adalah minimum sebanyak **RM300 sahaja**. Sekiranya peminjam membuat bayaran tunggakan lebih tinggi, pinjaman akan distrukturkan berdasarkan baki selepas bayaran dan ansuran bulanan akan menjadi lebih rendah.

6. Soalan:

Sekiranya seorang peminjam mempunyai **dua (2) pinjaman**, satu (1) pinjaman perlu rundingan pertukaran ujah, dan satu (1) lagi pinjaman perlu rundingan penstrukturan semula pinjaman, adakah peminjam perlu membuat bayaran tunggakan sekurang-kurang sebanyak **RM300 sahaja**?

Jawapan:

Ya, peminjam hanya perlu membuat bayaran tunggakan sekurang-kurangnya sebanyak **RM300 sahaja**.

7. Soalan:

Sekiranya peminjam mempunyai baki Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sahaja, adakah peminjam layak untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Tidak, kempen ini hanya layak kepada semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan baki pinjaman PTPTN sahaja.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh **Bayar Tunggakan Serendah RM300***

Maklumat dikemaskini pada 20 November 2024